

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN
ISMAIL [KULIM BANDAR BARU]**

TARIKH : 3 OGOS 2020

SOALAN

Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN menyatakan langkah Kementerian menjelang tamatnya monopoli import beras yang kini dikuasai BERNAS.

**JAWAPAN: YB DATUK SERI DR RONALD KIANDEE,
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam hal konsesi pengurusan industri padi dan beras yang baharu, Kerajaan akan memberikan pertimbangan sewajarnya terhadap beberapa perkara seperti berikut:

- i) menilai prestasi Syarikat Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) dalam melaksanakan konsesi sebelum ini termasuk penilaian berdasarkan *Key Performance Indicator* (KPI) yang telah dibangunkan;
- ii) mengkaji dari aspek perundangan termasuk perjanjian-perjanjian lain yang masih berjalan dan telah ditandatangani oleh BERNAS dan Kerajaan seperti Perjanjian Pajakan Tanah dengan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP);

iii) mengkaji implikasi kos dan keupayaan Kerajaan memandangkan kos pelaburan tinggi diperlukan dalam menguruskan industri padi dan beras; dan

iv) mengkaji keberkesanan Dasar '*Single Gate Keeper*' bagi memastikan keselamatan makanan ruji negara dan memelihara pengeluaran industri padi dan beras tempatan melalui kawalan kemasukan beras import.

Sekian, terima kasih.